

27 DEC 1996

MENTERI LUAR THAI LAWAT MALAYSIA PADA JANUARI

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Menteri Luar Thailand Prachuab Chaiyasarn dijadual melakukan lawatan rasmi ke Malaysia pada 6-7 Jan untuk membolehkan beliau mengenali lebih dekat negara ini selepas dilantik ke jawatan itu November lepas.

Menurut kenyataan Kedutaan Thailand hari ini, Malaysia merupakan negara pertama dalam lawatannya ke rantau Asean selaras dengan tradisi bagi setiap Menteri Luar Asean melawat negara-negara yang menganggotai kumpulan serantau itu.

Semasa lawatan itu, Prachuab dijadual mengunjung hormat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Asean.

Antara lain, para pemimpin itu dijangka membincangkan penandaan dan penentuan sempadan bersama, kerjasama perikanan dan Pembangunan Lembah Mekong.

Prachuab, yang juga Timbalan Menteri Perniagaan, akan mengetuai delegasi 15 pegawai dan wakil media.

-- BERNAMA

NI AHH